

SILAT TERUS JADI 'LUBUK' PINGAT ATLET NEGARA

VIENTIANE, REPUBLIK RAKYAT LAO, Selasa, 15 Disember. - Harapan tambahan pingat emas atau perak terkecai pagi ini setelah kedua-dua pesilat negara kecundang pada lawan masing bagi Kategori Tanding.

Awang Amirul bin Ahat yang menjadi harapan mara ke peringkat akhir bagi penentuan pingat emas atau perak skuad Pencak Silat Kontinjen Negara Brunei Darussalam di Sukan SEA Ke-25 Kelas 'A' 45 - 50 kilogram Tanding Lelaki hanya berpuas hati meraih pingat gangsa selepas tumpas kepada lawannya dari Laos, Okhe Bot-savang dengan kiraan 0 - 5.

Beliau yang sudah menghasilkan dua kali jatuhan nampaknya tidak mampu merubah keputusan para juri untuk mengubah keputusan walaupun banyak pihak meramal (Awang Amirul bin Ahat) boleh menang atas lawannya.

Ketika ditemui wakil PELITA BRUNEI, beliau melahirkan kekesalannya mengenai keputusan para juri.

"Keputusan 0 - 5 atas pesilat Laos sangatlah mengejutkan bagi saya walaupun saya telah berjaya menjatuhkan beliau dua kali dan sekali jatuhan pula tidak disahkan Wasit, jika ia disahkan peluang saya terbuka untuk beraksi bagi pingat emas atau perak," jelasnya.

Secara peribadi katanya, keputusan seolah berpihak kepada pesilat Lao memang berat buat saya, tapi para juri telah membuat keputusan muktamad dan saya harus terima walaupun dalam berat hati.

Saya tetap bangga tambahannya, walau hanya mampu membawa pulang pingat gangsa ke Brunei, namun jika kebolehan dan khidmat saya masih lagi diperlukan oleh negara saya pasti akan bersedia.

Pertandingan yang dilangsungkan di Dewan 3 Bangunan Lao ITECC di sini juga menyaksikan kekalahan Freddy Ashrul Choo kepada pesilat Singapura, Muhamad Shakir bin Juanda juga dengan kiraan 1-4.

Freddy harus terima pingat gangsa dengan tangisan kerana tidak menyangka jatuhnya dua kali ala 'body slam' yang dibuat lawannya disahkan oleh Wasit perlawanan.

Beliau yang beraksi di Kelas 'G' 75 - 80kg Lelaki Tanding sangat kecewa dengan keputusan para juri yang terlalu memihak pada lawannya.

Ketika ditemui wakil PELITA BRUNEI, beliau menjelaskan hanya seorang juri memberi kemenangan sedangkan jatuhnya yang dibuat oleh Muhamad Shakir bukanlah jatuhan bagi acara silat melainkan jatuhan secara buangan dengan mengangkat saya.

"Hasil bantingan pesilat Singapura secara teknikal memang saya anggap tidak sah, tapi apakah daya Wasit mengesahkan sebanyak dua kali," jelasnya.

Beliau yang sudah lebih dua tahun menjalani latihan intensif bagi penyertaan ke Sukan SEA Ke-25 berkesudahan kurang wajar dalam acara silat.

Tambahnya, walaupun saya berjaya menjatuhkan lawannya di pusingan pertama nampaknya tidak cukup mempengaruhi para juri untuk berpihak pada saya.

"Pingat gangsa bagi saya harus menjadi kebanggaan untuk saya dan

negara walaupun pingat emas atau perak cerah tapi keputusan juri muktamad walaupun pahit diterima," terangnya.

Sementara itu, Pengurus Skuad Pencak Silat Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Ak. Haji Jufry bin Pg. Haji Jaludin semasa ditemui wakil PELITA BRUNEI untuk mengulas pencapaian skuad Pencak Silat menjelaskan hasil kutipan pingat memang meningkat kerana berjaya meraih satu pingat emas dan tiga gangsa.

Semasa Sukan SEA Korat, Thailand katanya, skuad Pencak Silat hanya mampu meraih satu pingat perak, tapi di sini kita berjaya dengan satu



FREDDY Ashrul Choo menentang peserta Singapura, Kelas 'G' 75 kg - 80 kg Lelaki Tanding.



PERSEMBAHAN menarik Amirul bin Ahat ketika menumbangkan peserta Laos, Kelas 'A' 45 kg - 50 kg Lelaki Tanding.

pingat emas dan tiga pingat gangsa.

"Pencapaian yang baik bagi pesilat kita insyallah untuk Sukan SEA Ke-26 nanti usaha akan lebih tingkatan khasnya dari segi latihan fizikal dan mental supaya para pesilat kita akan lebih berkemahiran bila berdepan dengan lawan masing-masing," ujarnya.

Mengulas mengenai tahap penghakiman, beliau menyatakan tahap tetap sama tapi turut menghasikan keputusan 'kontroversi' hinggakan menyebabkan ketidakpuasan peserta, jurulatih dan pengurus.

Tambahnya, Persatuan Silat Antarabangsa harus duduk semeja untuk me-

ngatasi keputusan yang kontroversi bagi memuaskan hati semua pihak bukan keputusan yang sepihak.

Sementara itu dalam acara Wushu, peserta Pertandingan Taolu-Nanquan Lelaki, Awang Harris Adli bin Peranchis hanya menduduki di tempat ketujuh lelaki Nanquan dengan mengumpul mata keseluruhan 9.1.

Markah tertinggi diraih peserta Viet Nam, Pham Quoc Khanh dengan jumlah 9.7, namun Awang Harris masih mempunyai peluang mengubah kedudukannya dengan acara yang berjalan esok semuanya menentukan pingat emas, perak atau gangsa.

PEMENANG PINGAT NEGARA

AWANG AMIRUL BIN AHAT
- GANGSA

Silat - Kategori Kelas A 45 - 50 kg

AWANG FREDDY AHSRUL
CHOO - GANGSA

Silat - Kategori Kelas 'G' 75 - 80 kg

PUNGUTAN PINGAT

Negara	Emas	Perak	Gangsa	Jumlah
Viet Nam	74	61	52	187
Thailand	65	73	91	229
Malaysia	34	37	54	125
Indonesia	33	43	67	143
Singapura	33	26	33	92
Filipina	32	27	45	104
Laos	28	19	44	91
Myanmar	9	19	36	64
Kemboja	3	8	24	35
BRUNEI	1	1	8	10
Timor Leste	0	0	3	3

Shingga 17 Disember 2009 jam 8.00 malam



Laporan :
Samle Haji Jait,
Abdullah Asgar
Foto : Masmaleh
Haji Mohd. Ali,
Ampuan Haji
Mahmud
Ampuan Haji Tengah
dari Vientiane,
Republik Demokratik
Rakyat Lao



PENGURUS Pencak Silat Kontinjen Negara Brunei Darussalam, Awangku Haji Jufry bin Pengiran Haji Jaludin semasa ditemui bual oleh wakil PELITA BRUNEI.



AMIRUL bin Ahat semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI selepas pertandingan tersebut.




FREDDY Ashrul Choo semasa ditemu bual oleh wakil PELITA BRUNEI setelah menamatkan perlawanan Silat Olahraga, Kelas 'G' 75 - 80 kg Lelaki Tanding.

AKSI-AKSI WIRA NEGARA DI TEMASYA SUKAN SEA




25th SEA GAMES, LAOS
VIENTIANE 2009

Laporan :
Samle Haji Jait, Abdullah Asgar
Foto : Masmaleh Haji Mohd. Ali,
Ampuan Haji Mahmud
Ampuan Haji Tengah
dari Vientiane,
Republik Demokratik Rakyat Lao



Skuad sepak takraw tewaskan bergu Kemboja

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Rabu, 16 Disember. - Skuad Sepak Takraw Kontinjen Negara Brunei Darussalam ke Sukan SEA Ke-25 patut diberi pujian memberangsangkan kerana berjaya mengneipkan pasukan bergu Kemboja dengan 'straight set' 21 - 16 dan 21 - 9 dan seterusnya layak ke pusingan kedua.

Bergu negara yang dipimpin Awang Mohammad Shukri bin Jaineh, selaku kapten pasukan bersama rakan Awang Ismail Ang tiada halangan besar untuk menjinakkan bergu Kemboja yang dianggotai Chin Sovannarith dan Ream Sophearom yang sering saja hilang kawalan bola.

Pada seketika bergu Kemboja mendahului pungan mata, namun umpan dan libasan yang kuat oleh Awang Ismail Ang selalu saja mengutip mata membuatkan bergu Kemboja hilang punca bagi mengawal permainan di set pertama dengan mereka kalah 21 - 16.

Perlawanan diadakan di Dewan 1 Bangunan Lao ITECC di sini juga mendapat sokongan oleh Chief de Mission, Awang Haji Muhammad Zamri, pegawai-pegawai kontinjen dan para kontinjen sendiri.

Di set kedua bergu negara terus beraksi cemerlang dengan mengutip mata sehingga mendahului 9 - 4, perlawanan semakin rancak dan berpihak pada bergu negara dengan terus menambah mata meninggalkan jauh bergu Kemboja yang sering saja membuat kesilapan.

Setelah bergu negara mengutip mata 19 - 9, bergu Kemboja pula membuat kesilapan kerana mematkan bola di

net, yang menjadikan bergu negara mengutip mata penamat 20 - 9 dan hanya memerlukan satu mata untuk memenangi set kedua ini, sekali lagi peluang Ismail Ang membuat libasan maut yang gagal dihadang oleh Chin (Kemboja) dan akhirnya bergu negara berjaya memenangi set kedua dengan kedudukan 21 - 9.

Pertemuan bergu seterusnya ialah bertemu bergu Myanmar setelah menjinakkan bergu Filipina.

Sementara itu, acara Wushu bagi pertandingan Taolu-Nangun Lelaki peserta negara, Awang Harris Adli bin Peranchis hanya menduduki di tempat ketujuh keseluruhan dari sepuluh peserta.

Kategori kedua yang disertainya pagi tadi Nangun Lelaki dengan mengumpul mata 9.12 hanya berjaya mengatasi mata dua peserta Thailand yang masing-masing mengumpul 8.67 mata.

Setelah dua acara dilaluinya beliau hanya mampu mengumpul mata keseluruhan 18.22 bagi mengisi tempat ketujuh dengan sendirinya gagal mengutip pingat kerana kelmarin bagi Kategori Nangun beliau hanya berjaya mengumpul 9.1 mata.

Markah tertinggi diraih 19.40 peserta Vietnam (Pham Quoc Khanh) untuk pingat emas, perak milik Heriyanto, Indonesia (19.31 mata) dan gangsa dipegang peserta Myanmar, Soe Kyam (19.18 mata).

Pertandingan Wushu juga berlangsung di Dewan 1 Bangunan Lao ITECC yang disertai masing-masing dua peserta dari Indonesia, Thailand, Malaysia, seorang dari Viet Nam dan Singapura, di samping Harris Adli sendiri.



LIBASAN cantik Awang Mohd. Shukri bin Hainen gagal dihadang oleh peserta Kemboja, perlawanan Sepak Takraw Lelaki Berpasangan saringan awal bertempat di ITECC Vientiane, Laos.



AWANG Mohd. Yazid bin Yatami Mohd. Yussof ketika memberi cabaran dalam acara Lempar Cakera peringkat akhir.



Laporan :
Samle Haji Jait,
Abdullah Asgar
Foto : Masmaleh
Haji Mohd. Ali,
Ampuan Haji
Mahmud
Ampuan Haji Tengah
dari Vientiane,
Republik Demokratik
Rakyat Lao



PENYOKONG-PENYOKONG Brunei yang turut memberikan semangat semasa skuad sepak takraw beraksi dalam temasya Sukan SEA Ke-25 Laos.

Mohd. Yazid pecah rekod peribadi lempar cakera

VIENTIANE, REPUBLIK DEMOKRATIK RAKYAT LAO, Rabu, 16 Disember. - Awang Mohd. Yazid bin Yatami Mohd. Yussof berjaya memecahkan rekod peribadi dalam acara Lempar Cakera di temasya Sukan SEA Ke-25 Laos yang berlangsung Stadium Utama Kompleks Sukan Kebangsaan, di sini.

Awang Mohd. Yazid yang berjaya membuat lemparan sejauh 43.29 meter berjaya memecahkan rekod peribadi yang dicipta sejauh

41.82 meter di Bandar Seri Begawan.

Bagaimanapun, pencapaian membanggakan itu tidak mampu membantu untuk menyumbang sebarang pingat buat kontinjen negara apabila beliau berada di tempat keenam dari tujuh peserta.

Peserta dari Singapura, Wong Tuck Yim memperolehi pingat emas dan dua peserta rakan senegara dari Thailand, K. Numsomboon dan W. Sawasdee berjaya menyalungi pingat perak

dan gangsa.

Acara Olahraga mempertandingkan lapan pingat emas, lapan pingat perak dan lapan pingat gangsa.

Kejohanan Sukan SEA yang semakin hampir ke penghujung kejohanan telah menyaksikan beberapa pencapaian memberangsangkan atlet-atlet Asia Tenggara dengan mencipta rekod baru terutama dalam acara Renang, Olahraga dan Menembak.

Acara Olahraga me-

nyaksikan peserta Malaysia, Tan Song Hwa berjaya mencipta lemparan sejauh 56.41 meter acara Lempar Tukul Besi sekali gus memecahkan rekod Jutaporn Krasaeyan dari Thailand yang mencipta kejauhan 53.35 meter.

Peserta Thailand, T. Maungjan pula cemerlang memecahkan rekod peribadi yang dicipta di Sukan SEA Korat dalam acara Lompat Kijang Wanita dengan catatan baru 14.08 meter.

N. Chaipech pula memili-

ki lompatan paling tinggi di Asia Tenggara dengan lompatan setinggi 1.94 meter untuk memecah rekod Bui Thi Nhung dair Vietnam yang mencipta 1.89 meter di Sukan SEA Filipina. Kejayaan itu juga menyamai rekod Asian Game di Beijing oleh Sato Megumi, Jepun setinggi 1.94 meter.

Vu Van Huyen juga berpuas hati apabila memecah rekod sendiri bagi acara Dekatlon - 1,500 meter lelaki yang mengutip 8,384 mata berbanding

7,457 mata yang dicipta di Sukan SEA, Korat lalu.

Buang Peluru Lelaki pula menyaksikan peserta Thailand, C. Polyiam juga berjaya memecah rekod peribadi dan kali ini 'orang kuat' dari Thailand itu telah mencipta buangan sejauh 17.59 meter berbanding catatan rekod peribadi 17.43 meter di Sukan SEA Korat.

Sementara itu, Wibowo Suryo Agung kekal mengungguli gelaran 'raja

pecut' Asia Tenggara selepas mencatat pecutan 10.17 saat dalam acara 100 Meter Lelaki sekaligus memecah rekod sendiri 10.25 yang dilakukan di Sukan SEA Korat 2007.

Lompat Kijang Lelaki juga menyaksikan atlet Thailand, T. Philakong telah memecah rekod peserta Filipina dalam acara Lempar Tukul Wanita dengan kejauhan 16.51 meter berbanding 16.44 meter yang dicipta di Korat 2007.